



29 Januari 2026
29 January 2026
P.U. (B) 40

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 82/2007*] yang disiarkan dalam *Warta Persekutuan* pada 8 Mac 2007, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan Tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan rekreasi dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Negara hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 1.00 petang pada 5 Februari 2026 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Mukim : Kuala Lumpur

No. Pelan : PA 120772

No. Lot : 52901

Luas : 709 meter persegi

Bertarikh 22 Januari 2026

[PTG/WP(S).100-2/17/2/4 Jld 16; PTGKL/11/BPRZ/2023/14(10); PN(PU2)213/JLD.130]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 82/2007*] published in the *Gazette* of the Federation on 8 March 2007, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the Federal land described in the Schedule for a public purpose, of a site for an open space and recreation and has designated that the Chief Secretary to the Government shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the part of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order, 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur gives notice of the proposal to revoke the part of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur in relation to the proposed revocation will be held at the Office of the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 4th Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. until 1.00 p.m. on 5 February 2026 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Kuala Lumpur

Mukim : Kuala Lumpur

Plan No. : PA 120772

Lot No. : 52901

Area : 709 square metres

Dated 22 January 2026

[PTG/WP(S).100-2/17/2/4 Jld 16; PTGKL/11/BPRZ/2023/14(10); PN(PU2)213/JLD.130]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Chairman

*Land Executive Committee
of the Federal Territory of Kuala Lumpur*